



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PELAN STRATEGIK *H.E.P.A* 2021-2023

*Melahirkan graduan bitara
yang holistik, ihsan, patriotisme
dan berdaya tahan*



PELAN STRATEGIK **H.E.P.A** **2021-2023**

*Melahirkan graduan bitara
yang holistik, ihsan, patriotisme
dan berdaya tahan*



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PELAN STRATEGIK H.E.P.A
2021-2023

KANDUNGAN

04	Pengenalan
05	Visi, Misi dan Nilai
06	Petikan Naratif Naib Canselor
08	Kata Alu-Aluan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
10	Bingkisan Inspirasi Ketua Entiti HEPA
13	Pengenalan & Latar Belakang Entiti HEPA
19	Ringkasan Eksekutif
20	Proses Pembangunan Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023
21	Pencapaian dan Imbasan Kecemerlangan
24	Cabaran dan Isu Semasa
26	Prinsip Panduan Hala Tuju
28	Teras Matlamat dan Objektif Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023
52	Sasaran Keberhasilan (Outcome) Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023
57	Pemantauan dan Penilaian
59	Penutup
61	Lampiran 1 - Pelan Tindakan Strategi H.E.P.A
89	Lampiran 2 - Pelan Tindakan Tadbir Urus H.E.P.A

PENGENALAN & OBJEKTIF

PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023

Pejabat Timbalan
Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)

Edisi 1
2021-2023

Pembangunan Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 adalah bertujuan untuk menyokong Pelan Strategik UPM 2021-2025 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) terutamanya berkaitan aspirasi pelajar & pembangunan graduan secara holistik. Sehubungan itu, objektif Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 ini adalah sebagai rujukan utama untuk semua entiti Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) menerajui hala tuju perancangan, pengurusan dan pembangunan pelajar, dan sekali gus menjadi panduan kepada semua warga UPM dalam memastikan Matlamat 1, Pelan Strategik UPM 2021-2025, iaitu “Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang” dapat direalisasikan.

Selain itu, Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 ini juga mendukung tiga (3) matlamat lain dalam Pelan Strategik UPM, iaitu Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri & Masyarakat, Memperkasakan Pertanian & Ketahanan Sekuriti Makanan, dan Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampanan Kewangan & Amalan Kelestarian Hijau melalui pelbagai pendekatan yang digarap secara strategik, komprehensif dan inklusif.

Kerangka pelan tindakan H.E.P.A 2021-2023 juga menerapkan program berkaitan agenda Sustainable Development Goals (SDG) bagi meningkatkan kesedaran pelajar terhadap isu dan cabaran global seperti kemiskinan, ketidaksamaan, perubahan iklim, kemerosotan alam sekitar, keamanan, pendidikan dan keadilan. Entiti HEPA sangat komited dengan matlamat SDG ini, dan telah mengambil langkah proaktif untuk memastikan strategi SDG dilaksanakan melalui Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023.

Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 juga bertujuan untuk memacu amalan nilai kerja yang lebih berkualiti bagi semua entiti dan warga Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) selari dengan Nilai Teras UPM, iaitu Ihsan, Kepelbagaian dan Kelestarian.

MATLAMAT 1 Pelan Strategik UPM 2021-2025

“Melahirkan watak graduan berdaya tahan mendepani cabaran mendatang”

VISI, MISI DAN NILAI



Visi UPM

Menjadi Sebuah Universiti Bereputasi Antarabangsa.



Misi UPM

Memberi sumbangan bermakna kepada pembentukan Kemakmuran dan Pembangunan Negara serta Kesejahteraan Sejagat Menerusi Penerokaan dan Penyebaran Ilmu.



Matlamat Pendidikan

Melahirkan Graduan Bitara yang Holistik, Ihsan, Patriotisme dan Berdaya Tahan.



Nilai Teras

Ihsan, Kepelbagaian dan Kelestarian.



PETIKAN NARATIF NAIB CANSOLOR 2021

5 Februari 2021

Kualiti graduan adalah manifestasi paling nyata terhadap kecemerlangan UPM. Melalui Pelan Strategik UPM 2021-2025, pembinaan karektor graduan UPM yang kental, unggul dan holistik akan menjadi fokus UPM dengan memberi tumpuan kepada aspek kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah yang bertunjangkan jati diri, patriotisme dan perpaduan.

Bermula 2021, entiti Hal Ehwal Pelajar dan Alumni akan memperkasa pendekatan pembangunan pelajar melalui Putra H.E.P.A, iaitu H untuk *Holistic*, E untuk *Empowerment*, P untuk *Patriotism* dan A untuk *Advancement* dengan lapan domain utama yang merangkumi kelestarian pertanian, pendigitalan, kesukarelawanan, kebolehpasaran graduan, pengantarabangsaan, keusahawanan, patriotisme dan perpaduan, dan kesejahteraan kehidupan

YH. PROF. DATO' DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN
Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia

Al
falah



UCAPAN ALU-ALUAN

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Alhamdulillah, saya merafak kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dapat membangunkan dan menghasilkan dokumen Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 ini. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Jemaah Pengetua, Jemaah Felo Kolej Kediaman, Pegawai Tadbir Kolej Kediaman, Ketua-Ketua Entiti dan semua warga HEPA yang terlibat secara langsung menyediakan dokumen penting ini.

Dokumen Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 ini penting kerana menyediakan panduan strategik, rujukan perancangan dan hala tuju pembangunan karakter pelajar yang holistik dan berdaya saing dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang. Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 memberi tumpuan kepada dua (2) objektif strategik yang sangat kritikal, iaitu Memperkukuh Jati Diri, Perpaduan dan Semangat Patriotisme selari dengan Aspirasi Nasional, dan Membentuk Watak dan Potensi Graduan yang Holistik.



“

..lapan (8) Teras Strategik ini menjadi hala tuju UPM dalam membentuk acuan dan pendekatan yang komprehensif dan inklusif bagi pembangunan pelajar selari dengan Matlamat 1 Pelan Strategik UPM 2021-2025.”

PUTRA
H.E.P.A
HOLISTIC • EMPOWERMENT • PATRIOTISM • ADVANCEMENT

Untuk merealisasikan dua (2) objektif strategik ini, UPM menggunakan pendekatan Putra H.E.P.A (Holistic, Empowerment, Patriotism dan Advancement) yang diterjemahkan menerusi lapan (8) Teras Strategik, iaitu kelestarian pertanian, pendigitalan, kesukarelawanan, kebolehpasaran graduan, pengantarabangsaan, keusahawanan, patriotisme dan perpaduan, dan kesejahteraan kehidupan merupakan anjakan strategi dan transformasi penting yang mencerminkan komitmen UPM terhadap kepentingan pembangunan pelajar. Justeru, lapan (8) Teras Strategik ini menjadi hala tuju UPM dalam membentuk acuan dan pendekatan yang komprehensif dan inklusif bagi pembangunan pelajar selari dengan Matlamat 1 Pelan Strategik UPM 2021-2025.

Saya sangat optimis bahawa semua gerak usaha yang akan berpandukan dokumen Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 ini akan berupaya menghasilkan graduan dan bakat masa hadapan yang cemerlang, iaitu graduan bitara yang holistik, ihsan, patriotisme dan berdaya tahan. Untuk mencapai matlamat pendidikan ini, maka setiap warga entiti HEPA khususnya, dan PTJ UPM amnya hendaklah menghayati intipati pelan strategik ini, dan sekali gus mengambil tindakan secara proaktif, kolaboratif dan progresif untuk melaksanakan prakarsa berimpak tinggi dalam mencapai sasaran keberhasilan yang telah ditetapkan.

YBHG. PROF. DR. ARIFIN ABDU
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Universiti Putra Malaysia



BINGKISAN INSPIRASI

Ketua Entiti Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



“ Saya percaya dengan iltizam yang tinggi daripada semua pihak, pembangunan pelajar yang komprehensif, berkualiti tinggi, serba boleh dan holistik dapat direalisasikan, insyaAllah selaras dengan agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2021-2025”(Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui 2020 dan Pelan Strategik UPM 2021-2025.”

Prof. Madya Dr. Amini Amir Abdullah
Pengerusi Jemaah Pengetua

“ Saya yakin bahawa pembangunan pelajar secara menyeluruh dan inklusif akan dapat melahirkan karakter graduan UPM yang berdaya saing dalam kebolehpasaran graduan dan memanfaatkan teknologi dan inovasi sebagai ‘job creator’ dipasaran global.”

Prof. Madya Dr. Mass Hareeza Ali@Hamid
Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan



“ Inisiatif membina watak pelajar yang holistik dan seimbang perlu diperkasa melalui kegiatan kokurikulum, kesukarelawanan dan pembangunan profesionalisme pelajar yang menyeluruh dan berterusan bagi menyediakan pelajar menghadapi cabaran mendatang seiring dengan kematangan intelektual dan jati diri unggul.”

Prof. Madya Ts. Dr. Nur Izura Udzir
Pengarah, Pusat Kokurikulum & Pembangunan Pelajar

“ Melibat sama alumni untuk kelangsungan universiti akan dapat menterjemahkan semangat “Kami Bangga Menjadi Alumni UPM” dengan memberi sumbangan kepada alma mater, refleksi slogan “Daripada Alumni kepada UPM” untuk kecemerlangan UPM sebagai sebuah menara Ilmu.”

Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud
Pengarah, Pusat Perhubungan Alumni



“ Graduan UPM tunjang perjuangan dan pengorbanan mahasiswa demi menggalas tanggungjawab dari sudut hubungan ilmu, kemahiran dan amalan yang tertuntun ke jalan yang benar demi mempertahankan agama, bangsa dan negara tercinta.”

Lt. Kol. Muhammad Fadzil Repin@Rebin
Timbalan Komandan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)



“ Penglibatan mahasiswa UPM dalam pasukan beruniform dan lain-lain bukan sahaja melatih mereka lebih berdisiplin, patriotik dan berilmu malah membentuk mereka sebagai warganegara yang lebih bertanggungjawab, berintegriti dan bersedia menghadapi cabaran global melalui aktiviti yang lebih holistik.”

Lt. Kol. Bersekutu (PA) Prof. Madya Dr. Omrah Hassan@Hussin
Timbalan Komandan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA)

“ Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM merupakan entiti terpenting dalam memastikan kebajikan, kesejahteraan, pengurusan aktiviti dan latihan kepimpinan pelajar di tahap terbaik demi melahirkan graduan yang holistik, berpersonaliti unggul dan berdaya tahan selari dengan aspirasi nasional.”

En. Nuruliman Ibrahim
Ketua, Bahagian Hal Ehwal Pelajar



“ Kami di Bahagian Perumahan dan Penempatan (BPP) sentiasa komited dan berdedikasi dalam melestari kebolehpayaan pelajar luar kampus dan penjana pendapatan organisasi”

En. Mohamed Shukri Mohamed Noor
Ketua, Bahagian Perumahan dan Penempatan (BPP)

“ Saya optimis kesejahteraan holistik yang seimbang dari segi psikologi, emosi, intelektual dan spiritual adalah komitmen dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan secara bersama, agar dapat membentuk dan melahirkan graduan serta sumber manusia yang BERILMU BERBAKTI penyumbang kepada generasi akan datang.”

Dr. Mazila binti Ghazali (K.B,P.A)
Ketua, Bahagian Kaunseling UPM (BKUPM)



PENGENALAN & LATAR BELAKANG ENTITI HEPA

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) mempunyai lapan (8) entiti utama, iaitu Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Perumahan dan Penempatan, Bahagian Kaunseling, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan, Pusat Perhubungan Alumni, Kolej-Kolej Kediaman, dan Badan Beruniform yang berperanan secara langsung dalam menyediakan perkhidmatan kebajikan, penginapan, pembentukan sahsiah, pengembangan bakat, memupuk semangat patriotisme, perpaduan, kesukarelawanan, kesejahteraan kehidupan kampus serta perhubungan alumni yang memberi manfaat secara langsung kepada pembangunan pelajar secara holistik.

01 Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pelajar dan mengurus selia urusan pentadbiran dan kewangan, pengurusan aktiviti pelajar, tatatertib, kenderaan, kebudayaan, bantuan kewangan dan kebajikan pelajar. BHEP mempunyai empat (4) seksyen utama dan satu (1) unit, iaitu Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Seksyen Pengurusan Kebajikan, Seksyen Pengurusan Aktiviti, Seksyen Pengurusan Kenderaan dan Unit Sokongan Perkhidmatan & Sokongan OKU.

02 Pusat Pembangunan Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan (CEM)

Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) telah ditubuhkan pada 25 Januari 2013, bertujuan untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan dan kebolehpasaran graduan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan pelajar UPM. CEM mempunyai tiga (3) seksyen, iaitu Seksyen Pembangunan Keusahawanan, Seksyen Kebolehpasaran Graduan dan Seksyen Pentadbiran & Kewangan.



PENGENALAN & LATAR BELAKANG ENTITI HEPA

Bahagian Perumahan dan Penempatan (BPP) ditubuhkan pada 1 Januari 2021 melalui kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) yang bersidang pada 18 November 2020, Minit JPU minit 7.29.05 (e). BPP telah dinaik taraf daripada sebuah Seksyen di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) menjadi sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) baharu di dalam entiti Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Sebagai sebuah Bahagian, BPP memainkan peranan yang lebih luas bukan sahaja dalam pengurusan perumahan dan penempatan pelajar, tetapi juga bertanggungjawab dalam memperkukuh hubungan Mahasiswa Luar Kampus termasuk perkhidmatan kebajikan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif dan aktiviti yang telah ditetapkan.

Bahagian Kaunseling UPM (BKUPM) bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan kepada warga kampus. BKUPM mempunyai tiga (3) seksyen utama, iaitu Seksyen Kaunseling Pelajar yang perkhidmatan khusus kepada pembangunan sendiri pelajar, Seksyen Kaunseling Kerjaya memfokuskan kepada bimbingan kerjaya pelajar, dan Seksyen Kaunseling Pekerja memberikan perkhidmatan pembangunan sendiri pekerja. Semua perkhidmatan yang disediakan ini adalah untuk membantu warga UPM dalam mencapai kesejahteraan diri secara holistik yang berteraskan kepada salah satu nilai 'ihsan' sebagai asas kecemerlangan UPM, iaitu 'Kesejahteraan Warga Kampus'. program perkembangan sendiri secara holistik khususnya oleh BKUPM

03 Bahagian Perumahan & Penempatan (BPP)

04 Bahagian Kaunseling UPM (BKUPM)

05 Pusat Kokurikulum & Pembangunan Pelajar (PKPP)

06 Pusat Perhubungan Alumni (ARCUPM)

Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) atau lebih dikenali sebagai Pusat Kokurikulum ditubuhkan pada 1 Julai 2006 untuk memantap dan memperkasakan pengetahuan dan kemahiran pelajar berdasarkan penerapan konsep kemahiran insaniah. PKPP mempunyai tiga (3) Seksyen, iaitu Seksyen Kokurikulum Berkredit, Seksyen Pembangunan Pelajar dan Seksyen Pentadbiran & Kewangan. Secara umumnya, PKPP bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau program dan aktiviti Kursus Kokurikulum Berkredit dan Pembangunan Pelajar bagi pembentukan sahsiah pelajar seiring dengan hasrat UPM untuk melahirkan graduan yang seimbang dalam pencapaian akademik dan kokurikulum.

Sejarah penubuhan Pusat Perhubungan Alumni (ARCUPM) bermula sebagai Unit Alumni pada 1 Januari 1999, dinaik taraf menjadi Pusat Alumni pada Januari 2002, ditukar nama kepada Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni (PPKA) pada 1 Ogos 2003, dan Pusat Alumni UPM pada 2006. Bagaimanapun, Pusat Alumni telah dijenamakan semula sebagai Pusat Perhubungan Alumni berkuat kuasa pada 1 Januari 2021. ARCUPM mempunyai tiga (3) seksyen, iaitu Seksyen Jalinan dan Pengukuhan Alumni, Seksyen Jaringan Industri dan Geran Alumni, dan Seksyen Penerbitan dan Pengesanan Alumni.

PENGENALAN & LATAR BELAKANG ENTITI HEPA


UPM mempunyai sembilan (9) buah kolej kediaman di Kampus Serdang dan sebuah (1) kolej kediaman di Kampus Bintulu, Sarawak yang boleh menampung penginapan lebih 17,000 pelajar pada setiap semester. Kolej Kediaman bertanggungjawab menyediakan penginapan yang kondusif, selesa dan selamat untuk semua pelajar. Selain itu, kolej berperanan dalam menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja tertumpu di dewan kuliah, makmal dan persekitaran akademik semata-mata, tetapi juga mampu menjadikan persekitaran dan kehidupan di kolej kediaman sebagai satu medium dalam membentuk pelajar yang berdikari, berakhlak mulia, kompeten, berkemahiran tinggi dan berketerampilan melalui pelbagai aktiviti pembentukan sahsiah dan pengembangan bakat pelajar.

07 Kolej-kolej Kediaman

UPM mempunyai tiga (3) badan beruniform yang terdiri daripada Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang merangkumi perkhidmatan Darat dan Laut, Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) dan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA). Penubuhan pasukan pertahanan dan keselamatan yang terdiri daripada pelajar prasiswazah di UPM adalah inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran insaniah, semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan pelajar.

08 Badan Beruniform

CARTA ORGANISASI HEPA



RINGKASAN EKSEKUTIF

PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023

PELAN Strategik H.E.P.A 2021-2023, iaitu H untuk Holistic, E untuk Empowerment, P untuk Patriotism dan A untuk Advancement mempunyai lapan (8) Teras Strategik utama, iaitu Teras 1 Kelestarian Pertanian, Teras 2 Pendigitalan, Teras 3 Kesukarelawanan, Teras 4 Kebolehpasaran Graduan, Teras 5 Keusahawanan, Teras 6 Pengantarabangsaan, Teras 7 Patriotisme dan Perpaduan, dan Teras 8 Kehidupan Kampus

Pelan Strategik ini adalah dokumen rujukan utama untuk UPM merencanakan inisiatif bagi dua (2) objektif penting dalam Matlamat 1 Pelan Strategik UPM 2021-2025, iaitu Memperkukuh Jati Diri, Perpaduan dan Semangat Patriotisme Selari dengan Aspirasi Nasional, dan Membentuk Watak dan Potensi Graduan yang Holistik.

“Melalui Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023, didapati tujuh (7) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah diangkat sebagai KPI UPM..”

Melalui Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023, didapati tujuh (7) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah diangkat sebagai KPI UPM, iaitu peratus kebolehpasaran graduan pada tahun bergraduat, bilangan usahawan pelajar yang berjaya menubuhkan syarikat yang mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), biasiswa dan bantuan kewangan pelajar, menyediakan perkhidmatan sokongan bukan akademik kepada pelajar OKU, bilangan program yang dianjurkan oleh pelajar (peringkat antarabangsa dan peringkat kebangsaan), bilangan program yang memperkukuh jati diri menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni dan bilangan penyertaan pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni, dan program kesejahteraan holistik.

Hasil Pemetaan Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025 menunjukkan bahawa Objektif Strategik 1 dan Objektif Strategik 2 dalam Matlamat 1 Pelan Strategik UPM adalah selari, bertepatan dan sangat sepadan dengan peranan dan obligasi HEPA. Pemetaan juga menyaksikan bahawa Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 telah menyokong kepada beberapa objektif strategik yang terkandung dalam Matlamat 3, Matlamat 4 dan Matlamat 5 Pelan Strategik UPM 2021-2025.



PROSES PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023

Pembangunan Pelan Strategik H.E.P.A bermula pada 18 Oktober 2020 melalui satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bersama Mesyuarat Jemaah Ketua Felo Kolej Kediaman yang membincangkan hala tuju, visi dan misi entiti HEPA. Antara hala tuju tersebut termasuklah aspek pendigitalan, kebolehpasaran graduan, program keusahawanan, kesukarelawan, patriotisme dan pengantarabangsaan.

Usaha merealisasikan pembangunan Pelan Strategik ini diteruskan oleh Jemaah Ketua Felo dan dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Jasronita Jasni, Pengetua Kolej 17 melalui Perbincangan Perancangan Inisiatif Utama yang berpandukan kepada aspirasi Menghasilkan Graduan Kental Masa Hadapan (Draf Pelan Transformasi UPM 2021-2025) pada 2 Disember 2020.

Hasil daripada perbincangan dan beberapa sesi libat urus dengan Jemaah Ketua Felo, dan Jemaah Pengetua bersama YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), satu persetujuan telah dicapai supaya pelan strategik entiti HEPA dijenamakan sebagai PUTRA H.E.P.A, iaitu H untuk Holistic, E untuk Empowerment, P untuk Patriotism, dan A Advancement. Terdapat 8 Domain yang telah dikenalpasti dalam PUTRA H.E.P.A, iaitu A: Kelestarian Hijau (K10, K13), Domain B: Pendigitalian


(KTDI), Domain C: Kesukarelawan (K17), Domain D: Kebolehpasaran Graduan (K14), Domain E: Keusahawanan (KC), Domain F: Pengantarabangsaan (KPZ), Domain G: Patriotisma dan Perpaduan (KOSASS), dan Domain H: Kesejahteraan Kehidupan (K12)

Untuk meneliti strategi PUTRA H.E.P.A dan pembangunan domain yang lebih jelas selari dengan matlamat pendidikan UPM, maka Bengkel Pemurnian Pelan Strategik HEPA bersama wakil entiti HEPA telah diadakan pada 3-4 April 2021, bertempat di Hotel Le Meridien Putrajaya.

Inisiatif dan projek Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 telah mula digerakkan pada 2021 melalui penglibatan semua entiti HEPA dan pencapaian prestasi telah diukur dalam Petunjuk Prestasi Utama UPM, dan juga Laporan Tahunan UPM 2021, di bawah tajuk Kebitaraan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

PENCAPAIAN & IMBASAN KECEMERLANGAN

Kadar kebolehpasaran graduan UPM pada 2021 ialah 95.40%, iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 1.90% berbanding dengan tahun 2020, dan 3.80% pada 2019. Pencapaian ini bukan sahaja melebihi sasaran 86% yang telah ditetapkan KPT, tetapi peningkatan kadar kebolehpasaran graduan ini memberikan cerminan dan petunjuk positif terhadap kualiti graduan UPM dalam pasaran pekerjaan. UPM melaksanakan pelbagai pendekatan strategik, konsisten dan komprehensif secara berterusan bagi memastikan graduan UPM sentiasa menjadi pilihan majikan. Kadar kebolehpasaran graduan UPM dalam tempoh tiga (3) tahun dipaparkan pada carta berikut.



Pelajar merupakan sebahagian daripada komuniti UPM yang memberikan impak kepada pembentukan imej dan reputasi Universiti. Pencapaian atlet UPM yang terlibat dalam kejohanan sukan antarabangsa seperti Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia, Kejohanan Sukan Universiti Dunia dan Kejohanan Sukan Universiti ASEAN merupakan salah satu sumbangan yang besar kepada UPM dan juga negara. UPM mempunyai lebih daripada 100 atlet bertaraf kebangsaan dan antarabangsa telah mencipta satu jenama unggul yang membawa kegemilangan kepada UPM dan sekali

gus menjadikan UPM sebagai universiti yang melahirkan jaguh sukan yang berwibawa, dan memberikan impak yang signifikan terhadap komitmen UPM dalam menyokong pembangunan sukan negara.

Selain itu, penglibatan pelajar UPM dalam aktiviti sukarelawan, khidmat masyarakat dan pertandingan telah membawa jenama UPM untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Acuan yang disediakan oleh UPM untuk membina kecemerlangan pelajar dalam aspek sahsiah dan pembangunan potensi telah mencipta

PENCAPAIAN & IMBASAN KECEMERLANGAN

pelbagai kejayaan di dalam dan luar negara. Pada tahun 2021, Pelan Strategik H.E.P.A. (Holistic, Empowerment, Patriotisme, Advancement) telah berjaya menjana 613 aktiviti yang menjurus kepada lapan (8) teras utama dan meraih penyertaan sebanyak 129,646 pelajar secara keseluruhannya. Maklumat pencapaian keseluruhan inisiatif mengikut teras, bilangan aktiviti dan penyertaan pelajar ialah seperti Jadual berikut:

**Pencapaian Pelaksanaan Aktiviti Pembangunan Holistik
Pelajar Mengikut Teras**

TERAS	BILANGAN AKTIVITI	JUMLAH PENYERTAAN
Kelestarian Pertanian	17	3100
Pendigitalan	35	23,358
Kesukarelawanan	136	10,359
Kebolehpasaran Graduan	13	12,586
Keusahawanan	26	14,362
Pengantarabangsa	16	4,240
Patriotisme dan Perpaduan	165	8,517
Kehidupan Kampus	205	53,124

Dalam menyokong pembangunan pelajar dengan lebih strategik, UPM mengambil pendekatan proaktif dan mampan mempergiatkan hubungan dengan alumni tempatan dan antarabangsa. Pada Disember 2021, UPM mempunyai 136,822 alumni sebagaimana direkodkan dalam AIS dan pangkalan data alumni ini sentiasa dimanfaatkan bagi tujuan komunikasi strategik dan membina rangkaian yang kukuh untuk kecemerlangan alma mater. Banyak program untuk meningkatkan pembangunan pelajar secara holistik dibentuk melalui kerjasama dengan alumni, sekali gus membina budaya menyumbang dan semangat *sense of pride* dalam kalangan alumni dan pelajar.

UPM amat memberikan penekanan kepada usaha menghasilkan pelajar yang mempunyai inovasi dan kreatif melalui program pembangunan bakat dan potensi. Usaha ini diterjemahkan dalam aktiviti kokurikulum, latihan dan aktiviti yang mencungkil bakat dalam pelbagai bidang. Antara program yang telah dilaksanakan termasuklah Kem Penggiat Seni Budaya, Pesta Pantun Integrasi Budaya, Pertandingan Nyanyian Lagu Asli, Festival Nasyid, Festival Teater dan English Drama, Pertandingan Rentak Putra dan Festival Tari Antara Kolej serta Malam Tunas Putra. Pelajar UPM juga didedahkan dengan ilmu penulisan seperti Bengkel Penulisan Dikir Barat, Mak Yong dan Penulisan Skrip.



CABARAN & ISU SEMASA



HEPA telah melaksanakan sesi percambahan minda dan membuat analisa SWOT untuk mengenalpasti beberapa cabaran dan isu yang boleh mempengaruhi tahap keberkesanan pengurusan dan pembangunan karakter pelajar secara holistik. Ringkasan isu dan cabaran yang telah dikenalpasti ialah seperti yang berikut:

Penularan pandemik Covid-19 yang masih belum reda memberi kesan secara langsung terhadap kaedah pelaksanaan program kokurikulum yang lebih efektif terutamanya melibatkan inisiatif pembangunan potensi dan kemahiran insaniah pelajar. Situasi ini menuntut HEPA supaya lebih kreatif, inovatif dan kreatif dalam membangunkan program yang bersesuaian, terutamanya dalam penggunaan teknologi digital melalui aktiviti komunikasi, kaedah penyampaian, pelaksanaan program dan penilaian aktiviti.

Kekangan peruntukan kewangan dalam pelaksanaan inisiatif memberi impak secara langsung terhadap sasaran keberhasilan sesuatu projek yang dilaksanakan. Sebagai contoh, menyediakan penginapan yang kondusif memerlukan jumlah peruntukan yang besar untuk menaik taraf kemudahan kolej sedia ada. Untuk tujuan tersebut, kolej perlu meligatkan usaha mendapatkan dana yang mencukupi bagi meningkatkan persekitaran dan fasiliti kolej secara berfasa. Usaha ini bukan sahaja memfokuskan fasiliti kolej kediaman sahaja tetapi juga bantuan kewangan kepada pelajar yang memerlukan bagi memastikan proses pembelajaran dan kehidupan pelajar tidak terjejas. Kolaborasi dengan alumni, sektor korporat dan agensi kerajaan perlu ditingkatkan bagi memastikan bahawa kebajikan pelajar terpelihara.

Kebolehpasaran graduan menjadi isu nasional, serantau dan global yang perlu

ditangani dengan lebih strategik. Program intervensi kebolehpasaran graduan perlu ditingkatkan dan sekali gus memberi tumpuan kepada program yang memberi nilai tambah supaya graduan UPM dapat berdaya saing, menjadi penjana kerja dan berupaya mendepani pelbagai cabaran mendatang. Sebagai contoh, inisiatif Putra®@Preneur menggerakkan gagasan besar keusahawanan dengan memperkasakan ekosistem keusahawanan secara bersepadu, dan secara tidak langsung menyumbang kepada kebolehpasaran graduan.

Membangunkan watak dan potensi graduan yang holistik terutama dari aspek keusahawanan, kesukarelawan, kepemimpinan, komunikasi keorganisasian, kesejahteraan emosi, kesihatan fizikal dan kemahiran insaniah perlu dilaksanakan secara berterusan dengan kaedah, teknik dan pendekatan yang lebih komprehensif. Sebagai contoh, seni kepemimpinan diri pelajar yang berkaitan terus dengan matlamat mencapai tujuan hidup dengan lebih bermakna diberi tumpuan, supaya keseimbangan spiritual, fizikal, emosi dan intelek dapat digarap bersama.

Patriotisme dan perpaduan dalam kalangan pelajar perlu diperkasakan demi kelangsungan keharmonian dan kesejahteraan negara selari dengan aspirasi pelajar sebagai bakal pemimpin, agen perubahan dan penentu masa depan negara. Pengaruh negatif kesarwajagatan, liberalisasi dan ancaman nilai besar kemungkinan membawa bahana yang boleh memupuskan nilai-nilai patriotisme, perpaduan dan kesejahteraan negara. Oleh yang demikian, UPM perlu meraikan kepelbagaian dalam kalangan pelajar melalui program patriotisme dan perpaduan secara berterusan, dan sekali gus menyerlahkan inisiatif semangat cinta akan negara dengan lebih tuntas.

PRINSIP PANDUAN HALA TUJU PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023

Pembangunan Pelan Strategik H.E.P.A digubal berpandukan kepada aspirasi dan hasrat murni yang terkandung dalam Pelan Strategik UPM 2021-2025 yang berpaksikan kepada Visinya, iaitu menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa, dan meletakkan sasaran keberhasilan kepada lima (5) Matlamat, iaitu Matlamat 1 Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang, Matlamat 2 Mewujudkan Hab Penyelidikan dan Inovasi yang Menjanakan Nilai Berteraskan Ekosistem Lestari, Matlamat 3 Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri dan Masyarakat, Matlamat 4 Memperkasakan Pertanian dan Ketahanan Sekuriti Makanan, dan Matlamat 5 Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampanan Kewangan dan Amalan Kelestarian Hijau. Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 ini menjadi katalis kepada Matlamat 1, dan secara tidak langsung menyokong kepada empat (4) matlamat yang lain untuk mendukung kejayaan Pelan Strategik UPM 2021-2025

Teras dan objektif strategik yang terkandung dalam Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 adalah cerminan kepada usaha kolektif UPM dalam memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dapat dilaksanakan secara tuntas. Salah satu aspirasi dalam PPMPT 2021-2025 ialah Aspirasi Pelajar yang memberi penekanan untuk mengimbangi antara ilmu dan akhlak. Aspirasi ini telah digarap dalam Pelan Strategik H.E.P.A yang mempunyai enam atribut, iaitu etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, identiti nasional, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir, dan pengetahuan.

Etika dan Kerohanian

Beretika dan bermoral, mempunyai kerohanian mantap, penyayang dan prihatin; menghayati pembangunan mampan dan gaya hidup sihat

Kemahiran Memimpin

Komunikator yang berkesan, cerdas emosi dan mampu berinteraksi merentas budaya, bertanggungjawab, berdaya saing, cekal dan yakin

Identiti Nasional

Mempunyai jatidiri kebangsaan dan memahami aspirasi negara

Kemahiran Bahasa

Mahir dalam bahasa Melayu dan Inggeris, dan teruja untuk mempelajari satu bahasa global tambahan

Kemahiran Berfikir

Menghayati pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritikal dan inovatif, dan berkemahiran menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan

Pengetahuan

Menguasai bidang pilihan, mampu memanfaatkan, menghubungkan dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari, dan mampu menghargai kesenian, kebudayaan, serta sains, teknologi kejuruteraan dan matematik (STEM)

Pembangunan Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 juga mengambil kira matlamat dan hasrat kerajaan yang terkandung dalam Wawasan Kemakmuran Negara 2030 yang mempunyai 7 Teras Strategik, iaitu Teras Strategik 1 Ekosistem Perniagaan dan Industri, Teras Strategik 2 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama, Teras Strategik 3 Modal Insan, Teras Strategik 4 Pasaran Buruh dan Pampasan Pekerja, Teras Strategik 5 Kesejahteraan Sosial, Teras Strategik 6 Kerangkuman Wilayah dan Teras Strategik 7 Modal Sosial. Teras Strategik 3, Teras Strategik 5 dan Teras Strategik 7 menjadi rujukan utama H.E.P.A 2021-2023 kerana ia adalah tanggungjawab universiti dalam memastikan bahawa graduan yang dihasilkan adalah bersifat holistik dan berupaya membantu menjana kemajuan dan kesejahteraan masyarakat dan negara.

THE GLOBAL GOALS For Sustainable Development



Inisiatif atau program yang dibangunkan dalam Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 juga berpandukan kepada Matlamat Pembangunan Mapan (SDGs), iaitu gagasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2015. SDGs mempunyai 17 matlamat, iaitu menghapuskan jurang kemiskinan, sifar lapar, kesihatan dan kesejahteraan yang baik, pendidikan yang berkualiti, kesaksamaan jantina, air bersih dan sanitasi, tenaga mampan dan bersih, kerja yang layak dan pertumbuhan ekonomi, industri, inovasi dan infrastruktur, ketidaksamaan yang dikurangkan, bandar dan masyarakat yang lestari, penggunaan dan pengeluaran, perubahan iklim, kehidupan di bawah air, kehidupan di tanah, keamanan, keadilan dan institusi yang kuat, dan perkongsian untuk mencapai matlamat. Penerapan matlamat SDGs dalam Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 merupakan usaha yang berterusan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada pelajar, dan sekali gus meningkatkan nilai kehidupan warga kampus dan masyarakat yang lebih baik pada masa kini dan hadapan.

TERAS, MATLAMAT & OBJEKTIF PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023

Pembentukan watak dan potensi pelajar merupakan agenda penting yang diberi tumpuan oleh UPM bagi melahirkan graduan bitara yang holistik, ihsan dan patriotik, sekali gus berkeupayaan untuk bersaing pada peringkat domestik dan global. Usaha ini diterjemahkan melalui peranan dan tanggungjawab setiap entiti Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bagi memastikan pelan tindakan pembangunan pelajar berupaya mencetuskan transformasi yang signifikan, dinamik dan komprehensif selari dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025 (PSUPM).

PSUPM 2021-2025 mempunyai lima (5) matlamat, iaitu Matlamat 1 Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang, Matlamat 2 Mewujudkan Hab Penyelidikan dan Inovasi yang Menjanakan Nilai Berteraskan Ekosistem Lestari, Matlamat 3 Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri dan Masyarakat, Matlamat 4 Memperkasakan Pertanian dan Ketahanan Sekuriti Makanan, dan Matlamat 5 Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampunan Kewangan dan Amalan Kelestarian Hijau.

“*Objektif Strategik Pertama dan Objektif Strategik Kedua merupakan dua (2) objektif strategik yang berkait secara langsung dengan peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).”*

Matlamat 1 UPM, iaitu Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang mempunyai empat (4) objektif strategik, iaitu Objektif Strategik Pertama: Memperkukuh Jati Diri,

Perpaduan dan Semangat Patriotisme Selari dengan Aspirasi Nasional, Objektif Strategik Kedua: Membentuk Watak dan Potensi Graduan yang Holistik, Objektif Strategik Ketiga: Menambahkan Nilai dan Meningkatkan Keberkesanan Program Akademik Sepadan dengan Keperluan Semasa, dan Objektif Strategik Keempat, iaitu Melahirkan Pelajar yang Kompeten dan Berdaya Saing. Objektif Strategik Pertama dan Objektif Strategik Kedua merupakan dua (2) objektif strategik yang berkait secara langsung dengan peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), sekali gus menjana pembangunan Pelan Strategik Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bagi tempoh tiga (3) tahun yang bercirikan Holistic (H), Empowerment (E), Patriotism (P) dan Advancement (A).

Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 yang dibangunkan ini bukan sahaja memfokuskan dua (2) objektif Matlamat 1 semata-mata, malah strategi dan inisiatif yang dilaksanakan juga mengambil kira mana-mana objektif strategik yang berkaitan

yang terkandung dalam Matlamat 2 hingga Matlamat 5, Pelan Strategik UPM 2021-2025. Inisiatif yang dilaksanakan dalam Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 telah diujarkannya dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025 melalui pelbagai pendekatan mengikut fungsi dan strategi entiti HEPA masing-masing.

Pelan Strategik H.E.P.A (Holistic, Empowerment, Patriotism, Advancement) 2021-2023 memfokuskan lapan (8) teras utama, iaitu:




Semua Teras ini merupakan strategi dan pelan tindakan khusus untuk Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang yang diterjemahkan melalui inisiatif, aktiviti atau projek yang dilaksanakan oleh pelajar dengan kerjasama entiti HEPA, PTJ UPM, agensi kerajaan, agensi swasta atau NGO sama ada dalam ataupun luar negara.

Selain itu, membentuk watak dan potensi graduan yang holistik terutama dari aspek keusahawanan, kesukarelawan, kepemimpinan, komunikasi keorganisasian, kesejahteraan emosi, kesihatan fizikal dan kemahiran insaniah merupakan inisiatif yang digarap secara tuntas dalam Pelan Strategik H.E.P.A (Holistic, Empowerment, Patriotism, Advancement) 2021-2023 untuk mencapai aspirasi UPM.

Setiap Lapan Teras Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 dirincikan dalam bentuk objektif strategik dan petunjuk prestasi seperti yang berikut:

**TERAS, MATLAMAT & OBJEKTIF
PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023**



TERAS 1 KELESTARIAN PERTANIAN

Kelestarian pertanian adalah salah satu inisiatif penting yang diberi penekanan kepada pelajar selari dengan disiplin pertanian yang diangkat sebagai bidang tujuan (niche area) UPM, sekali gus memperkasakan pengetahuan pelajar dalam bidang pertanian dan sekuriti makanan. Melalui teras kelestarian pertanian ini, pelaksanaan projek atau aktiviti adalah memfokuskan empat (4) domain, iaitu kelestarian hijau (projek yang mesra alam sekitar), agribusiness (produk pertanian dan kerjasama dengan agensi luar), agroteknologi (aplikasi teknologi dalam pertanian) dan fasiliti pertanian (infrastruktur dan kepakaran). Teras 1 mempunyai lima (5) objektif strategik seperti yang berikut:

TERAS 2 PENDIGITALAN

Selari dengan perkembangan digital teknologi maklumat dan komunikasi, penerapan teknologi dalam pelaksanaan dan pembangunan aktiviti pelajar adalah penting melalui strategi pendigitalan secara proaktif dan progresif. Melalui Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023, terdapat tiga (3) domain yang diberi tumpuan, iaitu pengetahuan & kesedaran digital (penyertaan pelajar dalam program), penggunaan & penyampaian maklumat (penganjuran program), dan prasarana (penggunaan teknologi digital). Teras 2 mempunyai lima (5) objektif strategik seperti yang berikut:

Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi / Pengukuran Pencapaian
<p>Inisiatif Hijau</p> <ol style="list-style-type: none"> Menggalakkan penyertaan dan penglibatan pelajar dalam projek berkaitan pertanian, perhutanan dan alam sekitar <p>Agribusiness</p> <ol style="list-style-type: none"> Meningkatkan penghasilan dan pemasaran produk pertanian dan makanan Menggalakkan aktiviti keusahawanan berasaskan pertanian dan makanan <p>Agroteknologi</p> <ol style="list-style-type: none"> Menggalakkan aplikasi teknologi di dalam aktiviti pertanian <p>Fasiliti Pertanian</p> <ol style="list-style-type: none"> Menyediakan infrastruktur dan fasiliti bagi program berkaitan pertanian, perhutanan dan alam sekitar 	<ol style="list-style-type: none"> Peratus pelajar yang terlibat dalam penyertaan program atau projek berkaitan pertanian, perhutanan dan alam sekitar Bilangan program atau projek berkaitan penghasilan produk pertanian dan makanan Bilangan program atau projek yang menggunakan aplikasi teknologi dalam pertanian Bilangan infrastruktur dan aktiviti pembangunan fasiliti berkaitan pertanian, perhutanan dan alam sekitar Bilangan jaringan kerjasama antara PTJ dan industri

Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi / Pengukuran Pencapaian
<p>Pengetahuan dan Kesedaran Digital</p> <ol style="list-style-type: none"> Menganjurkan aktiviti yang berbentuk "Smart Campus" seperti Forum Bijak Digital dan sebagainya Meningkatkan jumlah penyertaan pelajar dalam program atau aktiviti yang menggunakan atau mengaplikasikan teknologi digital <p>Penggunaan & Penyampaian Maklumat</p> <ol style="list-style-type: none"> Meningkatkan jumlah pelajar yang menganjurkan program atau aktiviti yang menggunakan atau mengaplikasikan teknologi digital Menganjurkan program yang memanfaatkan teknologi siber <p>Prasarana</p> <ol style="list-style-type: none"> Meningkatkan keterlihatan program atau aktiviti melalui media digital 	<ol style="list-style-type: none"> Bilangan pelajar yang menyertai program pengetahuan dan kesedaran digital Peratus pelajar yang terlibat dalam penyertaan program atau aktiviti yang menggunakan teknologi digital Peratus pelajar yang terlibat dalam penganjuran program atau aktiviti yang menggunakan teknologi digital Bilangan program yang memanfaatkan teknologi siber Bilangan teknologi dan aplikasi digital yang digunakan dalam program atau aktiviti

TERAS 3 KESUKARELAWANAN

Penyertaan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan adalah selari dengan Moto UPM, iaitu “Berilmu Berbakti”. Aktiviti kesukarelawanan yang dijenamakan UPM sebagai Putra Bakti ini merupakan satu usaha memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar yang dilaksanakan secara berterusan dan menyeluruh bagi menyerlahkan nilai kebertanggungjawaban terhadap masyarakat dan negara, sekali gus memastikan nilai kemanusiaan terus semarak dan diperkukuhkan dalam kalangan pelajar. Tumpuan pelaksanaan inisiatif dalam teras kesukarelawanan ini adalah menjurus kepada tiga (3) domain, iaitu khidmat komuniti & kemasyarakatan (bilangan program komuniti), alam sekitar (bilangan program pemuliharaan dan pemeliharaan) dan misi kemanusiaan (bilangan program yang dijalankan). Teras 3 mempunyai enam (6) objektif strategik yang akan dilaksanakan bagi setiap domain seperti yang berikut:

Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi / Pengukuran Pencapaian
<p>Khidmat Komuniti dan Kemasyarakatan</p> <ol style="list-style-type: none"> Meningkatkan bilangan program atau aktiviti yang dijalankan Meningkatkan bilangan pelajar sebagai ahli jawatankuasa atau peserta Meningkatkan penglibatan peserta daripada komuniti luar bagi setiap program atau aktiviti Meningkatkan bilangan kerjasama dengan agensi luar Meningkatkan jumlah pendanaan luar bagi program atau aktiviti Menganjurkan program khidmat komuniti bersasar kepada komuniti terpilih dan bersifat tempatan (localized) <p>Alam Sekitar</p> <ol style="list-style-type: none"> Meningkatkan bilangan program atau aktiviti yang dijalankan Meningkatkan bilangan pelajar sebagai ahli jawatankuasa atau peserta Meningkatkan penglibatan peserta daripada komuniti luar bagi setiap program atau aktiviti Meningkatkan bilangan kerjasama dengan agensi luar Meningkatkan jumlah pendanaan luar bagi program atau aktiviti Mengurangkan pencemaran asap diesel daripada bas <p>Misi Kemanusiaan (Bencana)</p> <ol style="list-style-type: none"> Meningkatkan bilangan program atau aktiviti yang dijalankan Meningkatkan bilangan pelajar sebagai ahli jawatankuasa atau peserta Meningkatkan penglibatan peserta daripada komuniti luar bagi setiap program atau aktiviti Meningkatkan bilangan kerjasama dengan agensi luar Meningkatkan jumlah pendanaan luar bagi program atau aktiviti Menganjur atau menyertai misi kemanusiaan secara fizikal mahupun dalam talian bagi komuniti tempatan/ antarabangsa yang bersasar 	<ol style="list-style-type: none"> Bilangan program atau aktiviti yang dijalankan bagi khidmat komuniti dan kemasyarakatan, alam sekitar dan misi kemanusiaan Bilangan peratusan pelajar yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa atau peserta bagi khidmat komuniti dan kemasyarakatan, alam sekitar dan misi kemanusiaan Bilangan peratusan pelajar yang menyertai program atau aktiviti yang dianjurkan bagi khidmat komuniti dan kemasyarakatan, alam sekitar dan misi kemanusiaan Bilangan komuniti luar yang menyertai bagi setiap program atau aktiviti yang dianjurkan bagi khidmat komuniti dan kemasyarakatan, alam sekitar dan misi kemanusiaan Bilangan agensi luar yang terlibat dengan program atau aktiviti yang dianjurkan bagi khidmat komuniti dan kemasyarakatan, alam sekitar dan misi kemanusiaan Jumlah sumbangan luar berbentuk tunai atau “in kind” yang diterima bagi melaksanakan program atau aktiviti khidmat komuniti dan kemasyarakatan, alam sekitar dan misi kemanusiaan Bilangan program khidmat komuniti bersasar komuniti terpilih bersifat tempatan Bilangan bas yang menggunakan NGV Bilangan penganjuran misi kemanusiaan secara fizikal dan dalam talian komuniti tempatan dan antarabangsa

TERAS 4 KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Kebolehpasaran graduan merupakan agenda penting yang diberi perhatian oleh kerajaan dan UPM bagi memastikan graduan yang dihasilkan memperoleh pekerjaan selepas bergraduat. Sehubungan itu, Teras 4 memfokuskan pelbagai pendekatan pelaksanaan program pembangunan kerjaya bagi meningkatkan kualiti, keterampilan dan daya saing pelajar melalui projek khas kolaborasi dengan pelbagai syarikat korporat dan agensi pekerjaan. Oleh itu, Teras Kebolehpasaran graduan memberi tumpuan kepada tiga (3) domain, iaitu kemahiran baharu (keterampilan graduan), jaringan kerjasama dengan agensi & industri, dan pensijilan profesional. Teras 4 mempunyai empat (4) objektif strategik seperti yang berikut:

TERAS 5 KEUSAHAWANAN

Memupuk minat dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan merupakan salah satu pendekatan UPM untuk meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran graduan. Pendekatan ini adalah sejajar dengan situasi pasaran pekerjaan yang semakin mencabar dan sekali gus merangsang pelajar supaya lebih kreatif, berinovasi dan menjadi 'penjana pekerjaan'. Hakikatnya, mendedahkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan mampu mencetuskan peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi graduan, keluarga, masyarakat dan negara. Projek atau program yang dilaksanakan melalui Teras Keusahawanan ini adalah melibatkan dua (2) domain utama, iaitu pengukuhan aktiviti keusahawanan semasa pengajian dan bilangan program kerjasama dengan agensi atau industri di dalam dan luar negara. Teras 5 mempunyai tiga (3) objektif strategik seperti yang berikut:

Objektif Strategik

Kemahiran Baharu (Ketrampilan Graduan)

1. Memperkasa graduan melalui program-program pembinaan ketrampilan.
2. Mempertingkatkan peratus kebolehpasaran graduan dalam tempoh masa 6 bulan selepas bergraduat

Jaringan Kerjasama dengan Agensi dan Industri

3. Menjalinkan kerjasama dengan Agensi Kerajaan dan Industri

Pensijilan Profesional

4. Memperkasakan kemahiran professional untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan

Petunjuk Prestasi / Pengukuran Pencapaian

- a. Jumlah program dianjurkan berkaitan keterampilan graduan
- b. Jumlah pelajar yang terlibat program
- c. Peratusan kebolehpasaran graduan yang bekerja dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduat.
- d. Jumlah kolaborasi bersama agensi kerajaan
- e. Jumlah kolaborasi bersama industri
- f. Bilangan program latihan bertauliah

Objektif Strategik

Pengukuhan Aktiviti Keusahawanan Semasa Pengajian

1. Memantapkan program pembangunan keusahawanan berasaskan ledakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)
2. Meningkatkan peratusan usahawan pelajar yang menjalankan perniagaan semasa tempoh pengajian.

Jumlah Kerjasama dengan Agensi atau Institusi (Tempatan atau Antarabangsa)

3. Menjalinkan kerjasama dengan agensi atau Industri atau NGO atau IPT (tempatan atau antarabangsa)

Petunjuk Prestasi / Pengukuran Pencapaian

- a. Jumlah Program berkaitan aktiviti keusahawanan
- b. Jumlah pelajar yang terlibat dalam program keusahawanan
- c. Jumlah usahawan pelajar
- d. Jumlah kolaborasi bersama agensi atau institusi

TERAS 6 PENGANTARABANGSAAN

Pengalaman dan pendedahan pelajar melalui aktiviti pengantarabangsaan akan memberi nilai tambah terhadap kompetensi global dan daya saing pada peringkat antarabangsa. Melalui prakarsa pengantarabangsaan, pelajar UPM bukan sahaja digalakkan melibatkan diri secara aktif melalui program mobiliti, malah diberi peluang untuk menganjurkan program berkaitan pemindahan ilmu, mewujudkan kolaborasi antarabangsa, dan meningkatkan visibiliti pelajar melalui inisiatif media dan publisiti yang strategik. Prakarsa tersebut adalah selari dengan tiga (3) domain di bawah Teras Pengantarabangsaan, iaitu pemindahan ilmu, jaringan antarabangsa dan keterlihatan. Teras 6 mempunyai lima (5) objektif strategik seperti yang berikut:

Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi / Pengukuran Pencapaian
<p>Pengukuhan Aktiviti Keusahawanan Semasa Pengajian</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan bilangan program pemindahan ilmu yang memberi impak kepada kumpulan sasaran atau komuniti 2. Menganjurkan program silang budaya antara negara-negara ASEAN 	<ol style="list-style-type: none"> a. Bilangan program berkaitan pemindahan ilmu b. Bilangan program mobiliti dan antarabangsa yang berjaya dianjurkan c. Bilangan peserta yang menyertai pertandingan d. Bilangan penerima anugerah peringkat antarabangsa e. Bilangan artikel dan berita yang diterbitkan di pelbagai media
<p>Jaringan Antarabangsa</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Meningkatkan bilangan peserta dalam program peringkat antarabangsa 4. Meningkatkan bilangan penerima anugerah di peringkat antarabangsa 	
<p>Keterlihatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 5. Meningkatkan keterlihatan program dalam pelbagai media 	

TERAS 7 PATRIOTISME & PERPADUAN

Perpaduan adalah penting dalam menjamin keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara. Untuk mewujudkan suasana perpaduan yang lebih kental dalam kalangan pelajar, maka UPM akan menggerakkan pelbagai program patriotik dan cinta akan tanah air bagi meningkatkan nilai patriotisme dan jati diri, sekali gus menjalin ikatan perpaduan yang lebih erat dalam kalangan pelajar dan membentuk watak yang serba boleh dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran mendatang. Pembinaan watak merangkumi nilai patriotisme, perpaduan dan nilai murni yang mengarah kepada keupayaan pelajar menzahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara. Terdapat tiga (3) domain di bawah Teras 7, iaitu semangat patriotisme, jati diri dan integriti, dan perpaduan. Teras 7 mempunyai lapan (8) objektif strategik seperti yang berikut:

Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi / Pengukuran Pencapaian
<p>Patriotisme</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam memupuk nilai patriotisme dan semangat perpaduan 2. Meningkatkan kemahiran komunikasi dan semangat kerja berpasukan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti patriotisme dan perpaduan 3. Menyemarakkan minat dan sikap cinta akan tanah air melalui penganjuran aktiviti patriotisme dan perpaduan secara berterusan 4. Menggilap ciri kepemimpinan yang menjunjung tinggi aspirasi nasional serta menanam nilai etika dan moral dalam diri pelajar 5. Menganjurkan program yang berbentuk patriotisme dan perpaduan 	<ol style="list-style-type: none"> a. Peratus penyertaan pelajar yang terlibat program atau aktiviti berteraskan nilai patriotisme b. Peratus pelajar yang terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa dalam program atau aktiviti berteraskan nilai patriotisme c. Bilangan pelajar yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam program hari kemerdekaan atau hari kepahlawanan. d. Bilangan pelajar yang menyertai bengkel atau kem kepimpinan perintis e. Bilangan program berkaitan perpaduan f. Peratus pelajar yang menyertai program perpaduan g. Bilangan penyertaan pelajar dalam pertandingan atau seminar atau bengkel atau festival yang menerapkan nilai-nilai perpaduan h. Bilangan program yang mempunyai elemen perpaduan yang dianjurkan oleh pelajar berbilang kaum
<p>Perpaduan</p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar 7. Menganjurkan atau menyertai program atau pertandingan atau seminar atau bengkel atau festival yang menerapkan nilai-nilai perpaduan di pelbagai peringkat 8. Melaksanakan program yang mempunyai elemen perpaduan yang dianjurkan oleh pelajar berbilang kaum 	

TERAS 8 KEHIDUPAN KAMPUS

Teras Kehidupan kampus mempunyai empat (4) domain yang memfokuskan pelbagai program dan inisiatif berkaitan kesihatan, kerohanian, kewangan dan persekitaran. Teras Kelapan ini akan memperkayakan pengalaman dan kehidupan kampus pelajar dengan pelbagai kemahiran insaniah dan secara tidak langsung menjana pelajar yang 'versatile' dan holistik. Teras 8 mempunyai empat belas (14) objektif strategik seperti yang berikut:

Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi / Pengukuran Pencapaian
<p>Kesihatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan bilangan peserta yang menyertai program yang bersifat kesejahteraan holistik (Putra Wellness) (psikologikal/ sosial/ emosi/ intelektual) 2. Menjalankan program/tinjauan berkaitan kesihatan mental kepada peserta 3. Penganjuran program berkaitan sukan Cth: Pertandingan, klinik, forum 4. Membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kampus untuk menjadikan warga UPM yang sihat dari segi fizikal 	<ol style="list-style-type: none"> a. Bilangan peserta yang terlibat dalam program berkaitan Putra Wellness b. Bilangan program atau tinjauan berkaitan kesihatan mental kepada peserta c. Bilangan program sukan yang dianjurkan d. Bilangan Ahli Jawatankuasa yang terlibat e. Penglibatan penyertaan warga kampus dalam program pembudayaan sukan f. Bilangan pelajar yang mengikuti program kerohanian g. Bilangan program kerohanian yang dilaksanakan h. Bilangan program kebajikan yang dilaksanakan i. Bilangan program pembangunan pelajar OKU j. Bilangan pelajar yang terlibat sebagai Putra Buddies k. Bilangan pelajar yang menyertai program berkenaan persekitaran mampan l. Bilangan program yang dianjurkan berkaitan persekitaran mampan m. Bilangan Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam program persekitaran mampan n. Mencapai tahap perkhidmatan pada skala 2 hasil penilaian audit MyU-OKU o. Jumlah sumbangan dalam bentuk tunai dan in kind yang diberikan kepada pihak yang memerlukan p. Bilangan penaja biasiswa pelajar q. Bilangan mini Putra Food Bank yang ditubuhkan
<p>Kerohanian</p> <ol style="list-style-type: none"> 5. Membina mahasiswa yang teguh fahaman rohani dalam kehidupan bermasyarakat 6. Merperkasakan Program Kerohanian Pelajar 7. Menganjurkan program berteraskan kebajikan kepada pelajar golongan B40 UPM dengan kerjasama entiti/agensi berkaitan 8. Menganjurkan program pembangunan untuk pelajar OKU 9. PUTRA Buddies untuk pelajar OKU 	
<p>Persekitaran</p> <ol style="list-style-type: none"> 10. Melahirkan mahasiswa yang proaktif dalam membentuk persekitaran yang mampan 11. Memperkasa Kampus Inklusif OKU UPM 	
<p>Kewangan</p> <ol style="list-style-type: none"> 12. Memupuk mahasiswa yang prihatin terhadap isu kebajikan komuniti 13. Mendapatkan penaja baharu untuk pelajar UPM 14. Menubuhkan mini Putra Food Bank di Kolej Kediaman yang ditetapkan 	

TERAS, MATLAMAT & OBJEKTIF PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023

Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 juga memberi tumpuan kepada pembangunan sumber manusia yang menjadi komponen penting dalam memastikan semua strategi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Sehubungan itu, satu matlamat khusus dibentuk, iaitu Memperkukuh Tadbir Urus HEPA dan Membudayakan Amalan Kelestarian Hijau, dan matlamat ini adalah selari dengan Matlamat 5, Pelan Strategik UPM 2021-2025, iaitu Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampanan Kewangan dan Amalan Kelestarian Hijau Sasaran Keberhasilan (Outcomes) Pelan Strategik H.E.P.A. Memperkukuh Tadbir Urus HEPA dan Membudayakan Amalan Kelestarian Hijau mempunyai empat (4) objektif strategik seperti yang berikut:

Memperkukuh Tadbir Urus HEPA dan Membudayakan Amalan Kelestarian Hijau

OBJEKTIF	PETUNJUK PRESTASI / PENGUKURAN PENCAPAIAN
1. Membangunkan perancangan pengurusan sumber manusia yang menyeluruh dan selari dengan objektif HEPA	a. Dokumen Deskripsi Tugas b. Dokumen Ruberik Kompetensi dan Pelan Pembangunan Kompetensi
2. Merekayasa struktur organisasi dan HEPA secara berterusan	c. Laporan Penilaian Kompetensi
3. Membudayakan amalan kerja berprestasi tinggi	d. Pelan Induk Keperluan Perjawatan
4. Menyediakan persekitaran kerja yang selamat, kondusif, dan meningkatkan prakarsa kesejahteraan	e. Pelan Penggantian f. Laporan Kajian Keberkesanan Struktur g. Pelan Latihan HEPA h. Program penghayatan nilai positif, etika dan budaya kerja berprestasi dilaksanakan 4 kali setahun i. Program perkongsian ilmu dilaksanakan 3 kali setahun j. Program Gerak Sihat sekurang-kurangnya 2 kali sebulan pada setiap hari Rabu k. Sijil Amalan EkSA l. Mendapat Prestasi Cemerlang dalam Pemeriksaan dan Penilaian OSH

Objektif strategik, inisiatif, sasaran dan petunjuk prestasi bagi Teras 1 hingga 8 dipaparkan pada Lampiran 1. Inisiatif dan sasaran akan dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan, pencapaian dan aktiviti intervensi selari dengan petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

Berdasarkan kepada lapan (8) teras tersebut, sasaran keberhasilan (outcomes) Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 ialah seperti berikut:

SASARAN KEBERHASILAN PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023

Kebolehpasaran graduan mencapai sekurang-kurangnya 90% pada tahun bergraduat
Mencapai sekurang-kurangnya skala 2 (Ada dan Memuaskan) penilaian perkhidmatan sokongan bukan akademik pelajar OKU
Bilangan usahawan pelajar yang berjaya menubuhkan syarikat yang mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sekurang-kurangnya 120 pelajar
Mendapat biasiswa dan bantuan kewangan sekurang-kurangnya RM15 juta pada tahun semasa
Sekurang-kurangnya 8 program peringkat antarabangsa dilaksanakan oleh pelajar pada tahun semasa
Sekurang-kurangnya 15 program peringkat kebangsaan dilaksanakan oleh pelajar pada tahun semasa
Sekurang-kurangnya 110 program memperkukuh jati diri menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni pada tahun semasa
Sekurang-kurangnya 5000 pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti yang menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni pada tahun semasa
Sekurang-kurangnya 12,500 pelajar melibatkan diri dalam Program Kesejahteraan Holistik pada tahun semasa

Penetapan sasaran keberhasilan Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 dibuat dengan lebih menyeluruh bagi setiap teras melalui pelbagai inisiatif dan pendekatan yang strategik adalah bagi memastikan UPM menghasilkan insan dan bakat masa hadapan yang lebih cemerlang. Ia adalah selari dengan sasaran keberhasilan Pelan Strategik UPM 2021-2025, iaitu melahirkan graduan yang berdaya saing dalam mengharungi cabaran mendatang, dan melahirkan graduan bitara yang holistik, ihsan dan patriotisme.

PEMETAAN PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023 DENGAN PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025

Untuk memastikan inisiatif atau pelan tindakan yang dilaksanakan dalam Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 adalah selari dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025, maka dokumen ini juga memaparkan pemetaan kedua-dua pelan secara tuntas untuk mencapai sasaran keberhasilan yang telah ditetapkan.

Hasil pemetaan dan penjaran Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025 ialah seperti Jadual 1 berikut:

TERAS H.E.P.A	PEMETAAN PSUPM
TERAS 1 KELESTARIAN PERTANIAN Inisiatif Hijau <ul style="list-style-type: none"> Projek berkaitan pertanian, perhutanan dan alam sekitar Agribusiness <ul style="list-style-type: none"> Penghasilan dan pemasaran produk pertanian dan makanan Agroteknologi <ul style="list-style-type: none"> Aplikasi teknologi dalam pertanian Fasiliti Pertanian <ul style="list-style-type: none"> Intrastruktur dan kepakaran 	Matlamat 1 Objektif Strategik 2 Matlamat 3 Objektif Strategik 2 Matlamat 4 Objektif Strategik 2
TERAS 2 Pendigitalan Pengetahuan dan Kesedaran Digital <ul style="list-style-type: none"> Penyertaan pelajar dalam program Penggunaan & Penyampaian Maklumat <ul style="list-style-type: none"> Penganjuran program yang dilaksanakan Prasarana <ul style="list-style-type: none"> Penggunaan teknologi digital 	Matlamat 1 Objektif Strategik 2 Matlamat 5 Objektif Strategik 3
TERAS 3 KESUKARELAWANAN Khidmat Komuniti dan Kemasyarakatan <ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan program komuniti Alam Sekitar <ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan program pemuliharaan dan konservasi Misi Kemanusiaan (Bencana) <ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan program misi kemanusiaan 	Matlamat 5 Objektif Strategik 1 & 2 Matlamat 1 Objektif Strategik 7
TERAS 4 KEBOLEHPASARAN GRADUAN Kemahiran Baharu (Ketrampilan Graduan) <ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan program meningkatkan ketrampilan Jaringan Kerjasama dengan Agensi dan Industri <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan kolaborasi dengan agensi luar Pensijilan Profesional <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan nilai tambah graduan 	Matlamat 1 Objektif Strategik 2 Matlamat 3 Objektif Strategik 2

TERAS H.E.P.A	PEMETAAN PSUPM
TERAS 5 KEUSAHAWANAN Pengukuhan Aktiviti Keusahawanan Semasa Pengajian <ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan program keusahawanan Kerjasama dengan Agensi dan Institusi Luar <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan kolaborasi dengan agensi luar untuk pelaksanaan program keusahawanan 	Matlamat 1 Objektif Strategik 2 Matlamat 3 Objektif Strategik 2 Matlamat 4 Objektif Strategik 2
TERAS 6 PENGANTARABANGSAAN Pengukuhan Aktiviti Keusahawanan Semasa Pengajian <ul style="list-style-type: none"> Penganjuran program mobiliti dan antarabangsa Jaringan Antarabangsa <ul style="list-style-type: none"> Penyertaan program dan pencapaian anugerah pelajar Keterlihatan <ul style="list-style-type: none"> Program yang disiarkan dalam pelbagai media 	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
TERAS 7 PATRIOTISME DAN PERPADUAN Patriotisme <ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan dan penyertaan program patriotisme Perpaduan <ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan dan penyertaan program perpaduan 	Matlamat 1 Objektif Strategik 1
TERAS 8 KEHIDUPAN KAMPUS Kesihatan <ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan dan penyertaan gaya hidup sihat Kerohanian <ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan dan penyertaan program kerohanian Persekitaran <ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan dan penyertaan program persekitaran mampan Kewangan <ul style="list-style-type: none"> Bantuan kewangan aktiviti dan biasiswa 	Matlamat 1 Objektif Strategik 1 & 2
MEMPERKUKUH TADBIR URUS HEPA DAN MEMBUDAYAKAN AMALAN KELESTARIAN HIJAU <ul style="list-style-type: none"> Membangunkan perancangan pengurusan sumber manusia yang menyeluruh dan selari dengan objektif HEPA Merekayasa struktur organisasi dan HEPA secara berterusan Membudayakan amalan kerja HEPA berprestasi tinggi Menyediakan persekitaran kerja yang selamat, kondusif, dan meningkatkan prakarsa kesejahteraan HEPA 	Matlamat 5 Objektif Strategik 1, 2 & 7

Jadual 1: Pemetaan Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025.

PEMETAAN PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023 DENGAN PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025

Sejajar dengan hasil pemetaan semua teras strategik H.E.P.A 2021-2023 dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025, maka beberapa inisiatif telah disenaraikan dalam Pelan Tindakan 2022 untuk menyokong Pelan Strategik UPM 2021-2025, antaranya ialah seperti Jadual 2 berikut:

BIL.	INISIATIF ATAU PROJEK	PEMETAAN PSUPM
1.	Putra Global Conference on Student Leadership & High-Impact Involvement (PUTRAGC 2022)	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
2.	Putra Go Green Initiatives dan Kempen Berbasikal	Matlamat 1 Objektif Strategik 2 Matlamat 5 Objektif Strategik 7
3.	Projek Tani Kolej Kediaman, iaitu penanaman sayuran dan herba dalam kalangan pelajar kolej kediaman seperti Gempur Tani, KC Agro – Aquakultur dan lain-lain	Matlamat 1 Objektif Strategik 2 Matlamat 4 Objektif Strategik 2
4.	Projek AIMAC: Mega Chili	Matlamat 1 Objektif Strategik 2 Matlamat 4 Objektif Strategik 2
5.	Meningkatkan Penjanaan Pendapatan melalui tadbir urus Rumah Tetamu (apartmen dan studio) dan Kompleks Perumahan Universiti	Matlamat 5 Objektif Strategik 5
6.	Putra Biz@Alumni	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
7.	Meningkatkan Penjanaan Pendapatan melalui sewaan penginapan, bilik bintang dan kemudahan kolej kediaman	Matlamat 5 Objektif Strategik 5
8.	Program Mobiliti Chapter Student Ambassador (CSA) ke Riau Indonesia	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
9.	Projek Sistem Penilaian Prestasi iHEPA	Matlamat 5 Objektif Strategik 3
10.	Menambahbaik sistem e-Pengurusan Kolej (e-PK)	Matlamat 1 Objektif Strategik 3
11.	Folks Out For Charity	Matlamat 1 Objektif Strategik 1 & 2
12.	Youth Carnival dan Hari Belia Negara	Matlamat 1 Objektif Strategik 1 & 2

BIL.	INISIATIF ATAU PROJEK	PEMETAAN PSUPM
13.	Pelaksanaan program keusahawanan • Siswapreneur StartupBiz • Siswapreneur Advance dan • Social Enterprise @ Urban Community (SE@UC)	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
14.	50 Years Golden Fun Ride	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
15.	Eksplorasi 50 Kehijauan UPM	Matlamat 1 Objektif Strategik 2 Matlamat 5 Objektif Strategik 7
16.	Pertandingan Nukilan Kreatif Jubli Emas	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
17.	Program Jom Bertaduk 50 Tahun Jubli Emas	Matlamat 1 Objektif Strategik 2 Matlamat 5 Objektif Strategik 7
18.	5KM Jubli Emas Glow Run	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
19.	Pelaksanaan Inisiatif Misi Bantuan Kemanusiaan melalui BHEP@komuniti dan pemeliharaan alam sekitar BHEP@GoGreen	Matlamat 1 Objektif Strategik 2 Matlamat 5 Objektif Strategik 7
20.	Penganjuran International Cultural Festival 2022	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
21.	Pelaksanaan Program Debat Perpaduan	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
22.	Penganjuran Program Malam Tunas Budaya	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
23.	Bengkel Pembangunan Rubrik Kompetensi HEPA	Matlamat 5 Objektif Strategik 2
24.	Bengkel Pembangunan Pelan Penggantian HEPA	Matlamat 5 Objektif Strategik 2
25.	Program perkongsian dan penghayatan nilai positif, etika dan budaya kerja berprestasi tinggi secara berterusan	Matlamat 5 Objektif Strategik 2

**PEMETAAN PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023
DENGAN PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025**

BIL.	INISIATIF ATAU PROJEK	PEMETAAN PSUPM
26.	<ul style="list-style-type: none"> Siri Menggamit Seribu Kenangan: Alumni Reunion (MEKAR) Siri Tracing Alumni for Collaboration and Engagement (TRACE) Hiking with Alumni UPM Fraternity Camp Chapter Student Ambassador (CSA) sesi 2021/2022 Siri Sejam Bersama Alumni (SEBA) Showcase@Zoo Taiping Siri Teh Tarik Chat Siri Alumni Townhall 	<p>Matlamat 1 Objektif Strategik 2</p> <p>Matlamat 3 Objektif Strategik 2</p>
27.	Memorandum Persefahaman (MoU) MyFundAction & Siri Ukhuwah Media	Matlamat 3 Objektif Strategik 3
28.	Geran Aktiviti Jalinan Alumni (GAJA)	Matlamat 3 Objektif Strategik 2
29.	Pelaksanaan program yang bersifat psikologikal, emosi, intelektual dan sosial (PEIS)	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
30.	<p>Memperkasa sistem/aplikasi digital dalam pengurusan klien</p> <ul style="list-style-type: none"> Membina dan mengemaskini sistem My Putra Counsellor Membina dan mengemaskini sistem Saringan Kesejahteraan Diri (DASS21) Membina dan mengemaskini sistem Indeks Keselarasan Kerjaya Membina dan mengemaskini Sistem Wellness Tracker Menguji kebolegunaan sistem yang telah dibina 	Matlamat 5 Objektif Strategik 3
31.	Beach Plogging@BPP Prihatin Bersama Sukarelawan Luar Kampus	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
32.	Recycle with Love	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
33.	It's Our Earth Day	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
34.	Putra COCU @ Media Siri 6 Pendigitalan	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
35.	Putra COCU @ Media 10 Siri (Teras Kebudayaan, Khidmat Komuniti, Kepimpinan, Keusahawanan dan Sukan)	Matlamat 1 Objektif Strategik 2

BIL.	INISIATIF ATAU PROJEK	PEMETAAN PSUPM
36.	<p>Putra COCU @ Volunteer</p> <ul style="list-style-type: none"> Kem Pemantapan Sukarelawan 2.0 Kem Pemantapan Sukarelawan 3.0 Hari Kesukarelawanan Malaysia 	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
37.	Putra COCU @ Talent 1 – Grooming & Etiket Sosial	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
38.	Putra COCU @ Talent 2 – Komunikasi dan Kepimpinan	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
39.	Putra COCU @ Certificate – Program Pensijilan UPM & IKMa	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
40.	Putra COCU @ Media Siri 10 – Kebolehpasaran Graduan	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
41.	Putra COCU @ Media Siri 9 – Patriotisme dan Perpaduan	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
42.	Program PENJANA KPT-CAP	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
43.	Program #BorakTepi Keusahawanan & Kerjaya	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
44.	Program Virtual UPM Cluster	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
45.	Program Putra Alumni	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
46.	Career & Entrepreneurship (CE) UPM	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
47.	Business Pitching SEIP – Top Agro@UPM	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
48.	MOHE Star Biz Challenge – Taikun Muda	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
49.	Siswapreneur StartupBiz	Matlamat 1 Objektif Strategik 2
50.	Celcom Siswapreneur@Google Bootcamp	Matlamat 1 Objektif Strategik 2

Jadual 2: Pelan Tindakan 2022

**PEMETAAN PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023
DENGAN PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025****TANGGUNGJAWAB PELAKSANAAN
PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023**

Semua entiti HEPA bertanggungjawab melaksanakan inisiatif atau projek mengikut objektif strategik bagi setiap teras berdasarkan kepada portfolio entiti masing-masing. Entiti tersebut ialah Kolej Kediaman, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Perumahan dan Penempatan, Bahagian Kaunseling, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan, Pusat Perhubungan Alumni, dan Badan Beruniform. Felo Kolej Kediaman, Majlis Perwakilan Pelajar, Majlis Perwakilan Kolej, Persatuan dan Kelab pelajar juga memainkan peranan penting dalam menjayakan inisiatif dan sekali gus menyokong aspirasi yang dihasratkan dalam Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap entiti HEPA adalah berpandukan kepada lapan (8) teras pelan strategik ini berdasarkan sasaran tahunan yang ditetapkan

Fakulti dan Sekolah boleh merujuk dokumen ini sebagai panduan dalam merencana program pembangunan pelajar dan menggunakan pendekatan yang strategik untuk bersama-sama menyokong hasrat UPM bagi melahirkan graduan bitara yang holistik, ihsan dan patriotisme.



SASARAN KEBERHASILAN (OUTCOMES)

PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023

Sasaran keberhasilan atau pencapaian petunjuk prestasi diukur melalui dua kaedah, iaitu petunjuk prestasi yang diangkat sebagai KPI UPM dan petunjuk prestasi yang dilatakan kepada entiti utama HEPA seperti yang berikut:

KPI HEPA yang Diangkat Sebagai Petunjuk Prestasi Utama UPM

Peratus kebolehpasaran graduan pada tahun bergraduasi

Bilangan usahawan pelajar yang berjaya menubuhkan syarikat yang mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Biasiswa dan bantuan kewangan pelajar

Menyediakan perkhidmatan sokongan bukan akademik kepada pelajar OKU

Bilangan program yang dianjurkan oleh pelajar:

- peringkat antarabangsa
- peringkat kebangsaan

Bilangan program yang memperkukuh jati diri menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni

Bilangan penyertaan pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti:

- menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni.
- Program Kesejahteraan Holistik

PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025

Matlamat 1

Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani
Cabaran Mendatang

OBJEKTIF STRATEGIK 1

Memperkukuh Jati Diri, Perpaduan dan Semangat Patriotisme Selari
dengan Aspirasi Nasional

Bil	Pengukuran Prestasi/KPI	Sasaran				
		2021	2022	2023	2024	2025
1.	Bilangan program yang memperkukuh jati diri menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni	80	90	100	100	100
2.	Bilangan penyertaan pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti yang menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni	3000	5000	7000	7000	7000

OBJEKTIF STRATEGIK 2

Membentuk Watak Graduan yang Holistik

1.	Bilangan program yang dianjurkan oleh pelajar pada peringkat antarabangsa	6	8	10	12	14
2.	Bilangan program yang dianjurkan oleh pelajar pada peringkat kebangsaan/negeri	12	15	18	18	18
3.	Bilangan usahawan pelajar yang berjaya menubuhkan syarikat yang mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	110	120	130	140	150
4.	Bilangan penyertaan pelajar yang melalui Program Kesejahteraan Holistik	12,000	12,500	13,000	13,000	13,000

**SASARAN KEBERHASILAN (OUTCOMES)
PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023****KPI HEPA yang Dilatakan kepada
Entiti Utama HEPA****KPI Pengetua Kolej Kediaman (KPI ini akan dilata oleh Pengetua
kepada Jemaah Felo dan MPK)**

1. Bilangan program bersama/kolaborasi yang dilaksanakan kolej kediaman
2. Bilangan pelajar terlibat dalam program mobiliti (outbound)
3. Bilangan pelajar terlibat dalam program mobiliti (inbound)
4. Bilangan pencalonan Anugerah Tokoh Siswa (ATS)
5. Penjanaan Pendapatan Melalui Pelbagai Hasil Sewaan
6. Pencapaian Teras 1 Kelestarian Pertanian
7. Pencapaian Teras 2 Pendigitalan
8. Pencapaian Teras 3 Kesukarelawanan
9. Pencapaian Teras 4 Kebolehpasaran Graduan
10. Pencapaian Teras 5 Keusahawanan
11. Pencapaian Teras 6 Pengantarabangsaan
12. Pencapaian Teras 7 Patriotisme dan Perpaduan
13. Pencapaian Teras 8 Kehidupan Kampus

KPI Ketua Entiti HEPA (Selain KPI Operasi Entiti)**Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan**

- Peratus kebolehpasaran graduan pada tahun bergraduasi
- Bilangan usahawan pelajar yang berjaya menubuhkan syarikat yang mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Pencapaian Teras 1-8 (yang berkaitan sahaja)

Pusat Perhubungan Alumni

- Biasiswa dan bantuan kewangan pelajar
- Bilangan program yang memperkukuh jati diri menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni
- Bilangan program yang dianjurkan oleh pelajar pada peringkat antarabangsa
- Pencapaian Teras 1-8 (yang berkaitan sahaja)

Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar

- Bilangan program yang memperkukuh jati diri menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni
- Bilangan penyertaan pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti yang menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni.
- Bilangan program yang dianjurkan oleh pelajar pada peringkat antarabangsa
- Pencapaian Teras 1-8 (yang berkaitan sahaja)

**KPI HEPA yang Dilatakan kepada
Entiti Utama HEPA****KPI Ketua Entiti HEPA (Selain KPI Operasi Entiti)****Bahagian Hal Ehwal Pelajar**

- Menyediakan perkhidmatan sokongan bukan akademik kepada pelajar OKU
- Bilangan program yang memperkukuh jati diri menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni
- Bilangan penyertaan pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti yang menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni.
- Bilangan program yang dianjurkan oleh pelajar pada peringkat antarabangsa
- Bilangan program yang dianjurkan oleh pelajar pada peringkat kebangsaan/negeri
- Pencapaian Teras 1 – Teras 8

Bahagian Kaunseling UPM

- Program Kesejahteraan Holistik
- Pencapaian Teras 1 – 8 (yang berkaitan sahaja)

Bahagian Perumahan dan Penempatan

- Bilangan program yang memperkukuh jati diri menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni
- Bilangan penyertaan pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti yang menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni
- Pencapaian Teras 1 – Teras 8 (yang berkaitan sahaja)

Badan Beruniform

- Bilangan program yang memperkukuh jati diri menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni
- Bilangan penyertaan pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti yang menjurus kepada aspek patriotik, perpaduan dan nilai murni
- Pencapaian Teras 1 – Teras 8 (yang berkaitan sahaja)

PEMANTAUAN & PENILAIAN

Pemantauan pencapaian Pelan Strategik H.E.P.A ini akan diselaraskan pada peringkat setiap entiti dan dipantau melalui:

Bengkel Pencapaian KPI HEPA pada setiap suku tahun

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan HEPA

Mesyuarat Timbalan Naib Canselor Bersama Pengetua Kolej Kediaman

Mesyuarat Jemaah Pengetua Kolej Kediaman

Mesyuarat Jemaah Felo Kolej Kediaman

Mesyuarat Pengurusan Entiti HEPA

Pelaporan keseluruhan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HEPA akan disediakan oleh Pejabat Ketua Pentadbiran, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, dan pelaporan ini akan dikemukakan bagi tujuan berikut:

- a. Pencapaian KPI UPM
- b. Pencapaian KPI Pengetua Kolej Kediaman
- c. Pencapaian KPI keseluruhan inisiatif dalam Pelan Strategik H.E.P.A

Strategi, inisiatif, program atau projek yang dibentuk dalam Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 ini akan dikaji pada setiap hujung tahun atau mengikut keperluan melalui hasil analisis pelaksanaan pelan tindakan serta maklum balas daripada pemegang taruh yang berkepentingan. Kesesuaian projek, strategi dan inisiatif ini akan disemak melalui bengkel dan mesyuarat secara berkala.





“

PENUTUP

Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023 yang memfokuskan 8 Teras Strategik ini adalah manifestasi UPM terhadap usaha kolektif untuk membangunkan karektor graduan yang kental, unggul dan holistik melalui kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah yang bertunjangkan jati diri, patriotisme dan perpaduan. Semangat keserakanan, kesepakatan, strategi yang komprehensif, usaha dan pendekatan yang inklusif semua entiti akan membentuk ekosistem HEPA berprestasi tinggi dan sekali gus menjadi katalis kepada kejayaan Pelan Strategik H.E.P.A 2021-2023. Matlamat kejayaan ini adalah iltizam dan aspirasi bersama dalam menghasilkan citra insan dan bakat masa hadapan negara yang holistik dan cemerlang.

PELAN STRATEGIK H.E.P.A 2021-2023

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Edisi 1 | 2021-2023



LAMPIRAN 1
PELAN TINDAKAN
STRATEGI H.E.P.A



PELAN STRATEGI H.E.P.A. UPM (2021-2023)
HOLISTIC, EMPOWERMENT, PATRIOTISM, ADVANCEMENT

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025

- Matlamat 1** Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang
- Matlamat 2** Mewujudkan Hab Penyelidikan dan Inovasi yang Menjanakan Nilai Berteraskan Ekosistem Lestari
- Matlamat 3** Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri dan Masyarakat
- Matlamat 4** Memperkasakan Pertanian dan Ketahanan Sekuriti Makanan, dan
- Matlamat 5** Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampunan Kewangan dan Amalan Kelestarian Hijau

MATLAMAT 1 PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025: MENGHASILKAN GRADUAN KALIS MASA DEPAN									
: KELESTARIAN PERTANIAN (KLUSTER KEPIMPINAN PELAJAR, KESUKARELAWAN, KHAS INDIVIDU, KHAS PASUKAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK DAN INTELEKTUAL)									
: INSIATIF HIJAU Projek Berkaitan Pertanian, Perhutanan dan Alam Sekitar (M10S2, M30S2 DAN M40S2)									
TERAS A	OBJEKTIF STRATEGIK	STRATEGI TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN			ENTITI		
				TAHUN 2021	TAHUN 2022	TAHUN 2023			
